

Idea, pengkomersialan R&D pacu ekonomi

» *Universiti penyelidikan bantu selesai isu industri*

Oleh **S Anand Kumar, Nurul Fhatihah Zakinan dan Siti Sofea Md Nasir**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Kewujudan universiti penyelidikan di negara ini memberi impak yang besar terhadap perkembangan ekonomi negara terutama daripada aspek penajaan idea untuk penghasilan produk komersial.

Ketua Pengarah Pendidikan

Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof Datuk Dr Asma Ismail, berkata hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti penyelidikan tempatan bukan sekadar untuk menghasilkan produk komersial tetapi penyelesaian masalah terhadap industri negara secara holistik.

“Sumbangan universiti menerusi R&D bukan setakat untuk menghasilkan produk komersial tetapi juga sebagai penajaan idea dan penyelesaian masalah kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), komuniti, industri dan individu malah pertubuhan bukan kerajaan yang tidak mengaut keuntungan.

Jana RM1.25 bilion

“Berdasarkan pencapaian pembangunan kelima-lima


universiti penyelidikan ini, kita mampu menjana sehingga RM1.25 bilion daripada sudut penyelesaian masalah berbanding pengkomersialan R&D pada jumlah sehingga RM10 juta dalam tempoh 2007 hingga 2013,” katanya.

Setakat ini, universiti tempatan yang diiktiraf sebagai universiti penyelidikan adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tiga lagi universiti ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Ramai pakar

Asma berkata, universiti penyelidikan turut membantu mengembangkan pendapatan individu menerusi penajaan idea.



Asma Ismail

“Universiti ada ramai pakar, mampu mengadakan latihan, kontrak penyelidikan kepada komuniti dan perseorangan.

“Contohnya, seorang nelayan kini mampu menjana pendapatan dengan mengembangkan perniagaan tiram menerusi bantuan penyelidik daripada USM,” katanya.

Beliau berkata, masyarakat perlu berfikir lebih terbuka terhadap penghasilan R&D yang mempunyai skop sumbangan yang lebih luas dan bersedia menerima aspek pengkomersialan idea dalam industri.